


MULA



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY .

MICROFILM .



DAFTAR ISI

**MASJID RUSILA DI TERENGGANU:
SEJARAH PERKEMBANGAN
DAN KEGLIATANNYA**

ROSLINA MUHAMMAD

DIBIMBING OLEH

USTAZ ALI MOHAMAD



**FAKULTI USULUDDIN AKADEMI ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
1990**


UNIVERSITI MALAYA
AKADEMI ISLAM
FAKULTI USULUDDIN

MASJID RUSILA DI TERENGGANU
SEJARAH PERKEMBANGAN
DAN KEGIATANNYA

OLEH

ROSLINA MUHAMMAD

LATIHAN ILMIAH INI DITERIMA OLEH FAKULTI USULUDDIN BAGI
MEMENUHI KEPERLUAN UJAZAH SARJANA MUDA USULUDDIN
SESSI 1989/90



.....
PENYELIA
USTAZ ALI MOHAMAD

13/12/90

.....
TARIKH



.....
DEKAN

13 2 90

.....
TARIKH

Sumbangsihku buat:
suami tercinta
ayah ibu dan.....
keluarga tersayang.....

ABSTRAK

ROSLINA BINTI MUHAMMAD Masjid Rusila Di Terengganu Sejarah Perkembangan Dan Kegiatannya.

Kertas Projek, Kuala Lumpur, Fakulti Usuluddin Akademi Islam, Universiti Malaya, Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Malaysia, 1990.

Dalam sejarah umat Islam, tercatat zaman-zaman tertentu di mana umat Islam berada di dalam situasi kehidupan yang disaluti dengan roh dan nilai-nilai Islam s.w.t. Roh dan nilai-nilai Islam itu adalah terbit dari pancaran iman yang dipraktik dan diamalkan di masjid. Jelas bahawa peranan masjid pada waktu itu begitu berkesan sekali. Suasana sedemikian wujud hasil dari kebijaksanaan pemimpin negara yang memerintah pada waktu itu. Lebih-lebih lagi, pemimpin negara adalah juga menjadi pemimpin di dalam membahyang. Dan masjid yang bertindak sebagai nadi kehidupan masyarakat Islam telah mampu melahirkan generasi Islam yang benar-benar bertakwa kepada Allah s.w.t.

Sejarah juga telah mencatatkan, bahawa keagungan masjid telah ditoda dengan unsur-unsur kelastakan di mana peranan dan fungsi masjid telah mula diperkecilkan. Pemimpin masjid dan pemimpin negara telah dipisahkan. Penyelesaian kepada masalah negara dan masalah agama telah diasingkan.

Suatu masalah yang sering diperkatakan di kalangan ulamak dan masyarakat Islam ialah bahawa peranan masjid sekarang ini telah diperkecilkan, di mana peranannya itu hanya dalam bidang-bidang tertentu sahaja. Sedangkan hakikat masjid yang sebenar lebih luas daripada itu, mencakupi semua aspek kehidupan manusia. Soalnya, apakah kerajaan yang ada sekarang sudah berpuashati dengan peranan masjid yang sedia ada itu.

Menyedari tentang hakikat ini, Masjid Rusila telah mengambil inisiatif dengan mengadakan usaha-usaha untuk mengembalikan masjid kepada pemernannya yang sebenar. Namun begitu usaha-usaha ini mendapat kecaman dari pihak-pihak tertentu dan berbagai tuduhan telah dilemparkan terhadap masjid ini. Melihat kepada hal yang demikian penulis tertarik untuk membuat pengkajian tentang "Masjid Rusila di Terengganu: Sejarah perkembangan dan kegiatannya". Masalah-masalah yang menjadi pokok pengkajian ini ialah:

1. Bagaimana proses pembinaan Masjid Rusila
2. Apakah motif penubuhan Masjid Rusila
3. Bagaimana struktur pentadbiran Masjid Rusila
4. Bagaimana hubungan Masjid Rusila dengan Majlis Agama Islam Terengganu
5. Apakah kegiatan-kegiatan Masjid Rusila
6. Bagaimana sambutan dan pandangan masyarakat terhadap Masjid Rusila

Metod-metod yang dipakai di dalam pengkajian kertas projek ini ialah Metod Historis, Dokumentasi, Interview dan Observasi. Hasil daripada pengkajian ini menunjukkan bahawa:

1. Perjalanan sejarah menunjukkan bahawa peranan masjid yang begitu luas telah dipersempitkan.
2. Masjid-masjid yang wujud sekarang ini tidak mampu melahirkan generasi Islam yang benar-benar bertaqwa kepada Allah s.w.t.
3. Perjalanan masjid pada hari ini lebih terbatas kepada bidang ibadat khusus, yang menghubungkan antara manusia dengan Tuhannya sahaja.

PENGHARGAAN

الحمد لله الذي وفق ربه حمده وشكره وسعته واستغفره
وتوب اليه وعلى وسلم على النبي الكريم وامام المعاهدتين
وقدوة للعالمين وعلى اله واصحابه ومن نصره وولاه وبعد :

Terlebih dahulu kesyukuran yang tiada terhingga penulis lafaskan kehadiran Allah s.w.t., kerana dengan taufiq dan inayahNya dapat juga akhirnya penulis menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w dan kaum keluarga serta para sahabat baginda.

Pertamanya penulis melafaskan setinggi-tinggi penghargaan dan terimakasih kepada seluruh tenaga pengajar di Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, istimewanya kepada Ustaz Ali bin Mohamad yang bertanggungjawab sebagai penyelia dan pembimbing utama dalam masa penulisan kajian ini.

Jutaan terimakasih khas buat Pengerusi Masjid Rusila, ustaz Haji Abdul Hadi Haji Awang kerana memberikan penuh kerjasama kepada penulis dalam mendapatkan data dan maklumat berhubung dengan Masjid Rusila. Ucapan terimakasih juga ditujukan kepada orang-orang perseorangan yang sudi untuk ditemubual oleh penulis.

Tidak lupa jutaan terimakasih penulis buat suami tercinta yang banyak membantu penulis dalam menyiapkan kajian ilmiah ini. Semoga segala usaha dan pengorbanan beliau mendapat keredhaan dari Allah s.w.t. Juga buat teman-teman

seperjuangan. Ma, Nan, Tle, Ja dan lain lain. semoga kita semua tabah dalam menghadapi rintangan dan cabaran hidup.

Akhirnya, penulis menghulurkan sehalang doa dan jutaan terimakasih kepada seluruh keluarga tersayang, terutamanya ayah dan emak yang telah banyak berkorban untuk penulis. Abang abang dan adik adik yang dikasihhi, semoga hidup kalian diberkati ilahi.

Wassalamualaikum.



(RUSLI IMA INDRAWANAN)

KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والعاقلين للهدى والبرهان لا اله الا الله العظيم الغني الميسر
والعزيم والهادي والرشيد والرازق والرازق والرازق والرازق والرازق والرازق
فقال الله عز وجل ان اكرمكم عند الله اتقاكم

Segala pujian bagi Allah, Tuhan seru sekalian alam. Selawat dan salam kepada Rasulullah s.a.w. Kesjahteraan ke atas seluruh keluarga dan sahabatnya. Semoga pemeliharaan Allah diberikan kepada orang-orang yang berpegang teguh kepada Islam.

Sekali lagi penulis panjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana dengan izinNya penulis dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan tajuk "Masjid Rusila Di Terengganu: Sejarah Perkembangan Dan Kegiatannya". Latihan Ilmiah ini adalah untuk memenuhi keperluan ijazah Sarjana Muda Usuluddin di Akademi Islam Universiti Malaya.

Masjid Rusila hari ini adalah merupakan sebuah masjid yang terkenal khususnya di negeri Terengganu. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan di masjid ini mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dari masyarakat.

Kalau kita lihat pada hari ini, fungsi masjid yang sebenarnya telah disalahfahamkan. Masjid hanya dianggap sebagai tempat untuk beribadat semata-mata. Menyedari tentang hal ini Masjid Rusila telah berusaha untuk mengembalikan masjid kepada fungsinya yang sebenar, dan setakat ini ia telah mencapai kejayaan walaupun masih tidak sepenuhnya. Namun hal ini telah tidak disenangi oleh pihak-pihak tertentu dan menganggap Masjid Rusila telah menyeleweng dari landasan Islam. Memandangkan hal yang demikian, penulis

DAFTAR KANDUNGAN

Muka Surat

HALAMAN TAJUK	
HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA / FAKULTI	
MOTTO	
PERSEMBAHAN	
ABSTRAK	4
PENGHARGAAN	5
KATA PENGANTAR	6
DAFTAR KANDUNGAN ISI	7

BAB I : PENDAHULUAN

- A. LATAR BELAKANG MASALAH
PENGENALAN DAN SEJARAH KAMPUNG RUSILA . . .
- B. PENGERTIAN TAJUK DAN PERUMUSAN MASALAH . .
- C. TUJUAN PENULISAN
- D. METODOLOGI
- E. SISTEMATIKA PENULISAN

BAB II : LANDASAN TEORI

- A. PENGERTIAN MASJID
- B. SEJARAH AWAL PEMBINAAN MASJID
- C. MASJID TAQWA DAN MASJID DHIRAR
- D. KEGIATAN MASJID DI ZAMAN RASULULLAH

BAB III : METODOLOGI

BAB IV : LAPURAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA

MASALAH PERTAMA

Bagaimana proses pembinaan Masjid Rusila

- 1) Sejarah pembinaan dan pengasasnya 42
- 2) Kedudukan 43
- 3) Keluasan 45
- 4) Bentuk 47

MASALAH KEDUA

Apakah motif penubuhan masjid 48

MASALAH KETIGA

Bagaimana struktur pentadbiran masjid 50

MASALAH KEEMPAT

**Bagaimana hubungan Masjid Rusila dengan
Majlis Agama Islam Terengganu 52**

MASALAH KELIMA

Apakah kegiatan-kegiatan masjid

A. Kegiatan Ibadah 54

- 1) Ibadah Solat 54
- 2) Kelas Pengajian Al-Quran 57

B. Kegiatan Pendidikan

- 1) Pengajian Umum 58
 - a) Kuliah Pagi Jumaat 58
 - b) Kuliah Malam Selasa 59

- c) Kuliah Subuh ;
- 2) Pengajian Khusus
 - a) PASTI (Pusat Asuhan Tunas Tunas Islam)
 - b) Madrasah Dar al Quran
- 3) Lain-lain Kegiatan

MASALAH KEENAM

Bagaimana Sambutan dan Pandangan Masyarakat

Terhadap Masjid

BAB V : PENUTUP

- A. KESIMPULAN
- B. SARANAN
- C. KATA PENUTUP

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN